

Bajet 2007 : Garis panduan Untuk Memohon Pengecualian Duti Eksais 50% Ke atas Kenderaan Pacuan Empat Roda Bagi Pengusaha Pelancongan

Pengenalan

Bagi menggalakkan pelancongan dalam negara, Kerajaan dalam Bajet 2007 telah bersetuju memberi pengecualian duti eksais sebanyak 50% kepada pengusaha pelancongan ke atas pembelian kenderaan pacuan empat roda (4WD) yang dikilang atau dipasang dalam negara. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 2 September 2006.

Kriteria Kelayakan

- i. Pengesahan Kementerian Pelancongan bahawa syarikat dilesenkan untuk mengendalikan perniagaan pelancongan;
- ii. Pengesahan Kementerian Pelancongan ke atas bilangan kenderaan yang layak memohon pengecualian ini;
- iii. Permohonan dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum pembelian kenderaan dilakukan;
- iv. Kenderaan mestilah yang dikilang atau dipasang dalam negara; dan
- v. Kenderaan yang dibeli hendaklah merupakan kenderaan baru yang mana cukainya belum dibayar.

Prosidur Permohonan

- i. Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan dengan menggunakan Borang 4WD (boleh diperolehi di laman web www.treasury.gov.my) yang telah lengkap diisi berserta dengan dokumen-dokumen berkaitan; dan
- ii. Menghantar permohonan yang lengkap kepada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p: Puan Nurhayati bt Ab Razak)

Telefon : 03- 88823387/03-88823395
Faks : 03-88824051

Syarat Kelulusan

- i. Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama syarikat pengusaha pelancongan;
- ii. Kenderaan tersebut hendaklah digunakan untuk tujuan pelancongan sahaja;
- iii. Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik kepada pihak lain dalam tempoh 5 tahun dari tarikh kenderaan didaftarkan tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Perbendaharaan;
- iv. Kelulusan pengecualian ini boleh dimansuhkan pada bila-bila masa oleh Menteri Kewangan tanpa memberi apa-apa sebab. Pemohon dikehendaki membayar balik duti eksais yang diberi semasa pengecualian seolah-olah tiada pengecualian cukai diberi; dan
- v. Bagi pengecualian yang dimansuhkan dan tidak mematuhi syarat (iii), syarikat dikehendaki membayar balik duti eksais mengikut kiraan Jabatan Kastam Diraja Malaysia semasa penjualan atau pertukaran milik atau pemansuhan pengecualian cukai.

Tarikh Kuat Kuasa Pengecualian

Mulai tarikh permohonan diterima oleh Perbendaharaan.

Jangka Masa Permohonan Diproses

Dua (2) minggu daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima.